

18 Februari 2010

## Hampir 100 Negara Akan Mengurangkan Emisi Di Bawah Perjanjian Copenhagen

***PBB menubuhkan panel dana perubahan iklim yang dijanjikan dalam pertemuan di Denmark***



*Wap dan asap kelihatan di atas loji kuasa arang batu di Gelsenkirchen, Jerman, pada bulan Disember 2009.*

Oleh Cheryl Pellerin

Penulis Sains

Washington - Hampir 100 negara telah menandatangani Perjanjian Copenhagen iaitu satu perjanjian yang tidak terikat dan dibuat pada saat-saat akhir persidangan perubahan iklim PBB pada bulan Disember 2009. Ini menepati tarikh akhir rasmi pertama sekretariat Konvensyen Rangka Kerja PBB mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC).

UNFCCC adalah perjanjian antarabangsa yang telah disahkan dan diterima pakai oleh 193 negara-negara untuk mengawal emisi gas rumah hijau seperti karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) yang menyebabkan perubahan iklim.

Perjanjian Copenhagen adalah [dokumen 12 perenggan](#) (PDF, 182 KB) yang dirangka oleh pemimpin dari 25 negara utama pengeluar gas rumah hijau, termasuk Amerika Syarikat. Ia merangkumi tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh negara-negara industri dan membangun untuk mengelakkan kesan buruk perubahan iklim global.

Perjanjian ini berusaha menghadkan peningkatan suhu global dengan meminta negara-negara maju mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dengan jumlah yang banyak tetapi tidak diperincikan. Ia juga menetapkan tahap maksimum pelepasan gas nasional dan global dengan tarikh akhir yang lebih panjang untuk negara-negara membangun.

Menjelang 31 Januari, negara-negara yang bersetuju dengan perjanjian perlu memberitahu sekretariat UNFCCC mengenai sokongan mereka. Todd Stern, wakil khas Jabatan Negara untuk perubahan iklim, dalam taklimat di Washington pada 16 Februari berkata, "kurang daripada 100 negara telah menyatakan

persetujuan mahu menjadi sebahagian daripada perjanjian” tetapi negara-negara lain mungkin akan menandatangani juga.

Kebanyakan negara maju dan membangun yang bersetuju dengan perjanjian itu termasuk Amerika Syarikat, Australia, Kanada, China, India, Afrika Selatan, Brazil, Indonesia dan negara-negara anggota Kesatuan Eropah. Negara-negara ini menyerahkan pelan cadangan tindakan untuk mengurangkan gas rumah hijau di negara mereka.

Cadangan ini dibuat sebagai jawapan kepada Perenggan 4 dalam perjanjian yang mahukan negara-negara maju (dirujuk sebagai pihak *Annex I*) menyerahkan senarai sasaran emisi bagi tahun 2020 dan seterusnya. Perenggan 5 yang dipanggil pihak bukan *Annex I* juga menyerahkan cadangan tindakan bagi mengurangkan emisi gas rumah hijau bagi tempoh waktu yang sama.



*Setiausaha Agung P.B.B. Ban Ki-moon dalam satu sidang akhbar pada hari terakhir persidangan iklim di Copenhagen pada 19 Disember 2009.*

Dalam perkembangan lain, satu panel penasihat peringkat tinggi yang baru tentang dana bagi menangani perubahan iklim telah diwujudkan. Ia akan dipengerusikan bersama oleh Perdana Menteri U.K. Gordon Brown dan Perdana Menteri Ethiopia Meles Zenawi.

"Kumpulan penasihat akan membuat cadangan-cadangan praktikal untuk meningkatkan kedua-dua dana jangka pendek dan jangka panjang untuk strategi mitigasi dan adaptasi di negara-negara membangun," kata Setiausaha Agung PBB Ban Ki moon dalam satu sidang akhbar 12 Februari bersama Brown dan Meles. "Secara khusus, ia akan melihat bagaimana memulakan pengumpulan sumber yang baru dan inovatif untuk mencapai \$100 billion setahun menjelang tahun 2020. Dana ini akan merangkumi sumber awam dan swasta."

Dana ini akan membantu proses adaptasi, mitigasi, pemindahan pembangunan teknologi, dan peningkatan kapasiti di negara-negara membangun, dengan keutamaan kepada negara yang paling terdedah dengan bahaya perubahan iklim. Ahli panel merangkumi wakil-wakil daripada negara maju dan membangun.

Ban menjangkakan panel ini akan menyampaikan penemuan awal mereka pada sesi rundingan UNFCCC pada 31 Mei – 11 Jun di Bonn, Jerman, dan memberikan cadangan akhir sebelum persidangan ke-16 pihak-pihak UNFCCC (COP-16) pada 29 November – 10 Disember di Mexico City.

“Mungkin ada empat atau lima perkara dalam perjanjian yang perlu lebih diperhalusi,” kata Stern, “dan perkara-perkara ini perlu dibawa ke hadapan.” Ini termasuk:

- Dana iklim: Satu Dana Iklim Hijau Copenhagen akan ditubuhkan untuk menyokong kegiatan di negara-negara membangun yang berkaitan dengan cara mengurangkan perubahan iklim. Panel penasihat akan mengkaji bagaimana dana boleh diperolehi.
- Mekanisma teknologi: Satu mekanisma akan dibentuk untuk meningkatkan cara-cara untuk membangunkan dan memindahkan teknologi untuk membantu usaha-usaha adaptasi dan mitigasi yang unik bagi setiap negara.
- Ketelusan: Tindakan negara maju dan membangun tertakluk kepada ukuran, laporan dan pengesahan antarabangsa sesuai dengan garis panduan yang diterima pakai oleh persidangan pihak-pihak. Garis panduan ini belum ditetapkan.

"Apa pun kekuatan dan kelemahan proses ini, hanya ada satu arah yang ia boleh pergi, iaitu ke arah tindakan bagi pengurangan emisi," kata Stern. "Saya sangat berharap kita tiba di sana lebih cepat daripada yang dirancang, dan kami akan melakukan apa yang mampu untuk menuju ke arah tujuan itu."